

BAB KELIMA

BAB KELIMA

ANALISIS KAJIAN AMALAN WAKĀLAH AQAD NIKAH

Secara umumnya kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan perkahwinan adalah tidak memuaskan . Ini kerana peratus responden yang mengetahui sepenuhnya atau yang mengusai keseluruhan daripada hukum-hukum yang berkaitan adalah rendah khususnya daripada kalangan *muwakkil*. Dapatan menunjukkan bahawa hanya 31.58% sahaja daripada *muwakkil* yang mengetahui keseluruhan daripada hukum yang berkaitan. Amat mengecewakan lagi apabila dapatan menunjukkan bahawa terdapat 15.79% daripada mereka yang hanya mengetahui sedikit sahaja daripada hukum-hukum berkaitan seperti yang dijelaskan pada jadual 8. Bagi penulis jumlah ini adalah merupakan satu jumlah yang banyak dan tidak sepatutnya berlaku kerana ianya melibatkan kepada perkara yang merupakan asas kesinambungan keturunan manusia. Manakala pengetahuan mereka yang melakukan aqad dengan sendiri pula didapati bahawa tahap pengetahuan mereka adalah lebih tinggi daripada tahap pengetahuan *muwakkil*. Ini dapat dilihat apabila dapatan menunjukkan bahawa 58.82% dari pengantin lelaki dan 50% dari wali perempuan telah mengetahui keseluruhan daripada hukum yang berkaitan dengan aqad perkahwinan. Walau bagaimanapun masih terdapat dari kalangan mereka yang hanya mengetahui sedikit sahaja tetapi dengan jumlah peratus yang rendah seperti yang dijelaskan pada jadual 2.

Melihat kepada makna *wakālah*, penulis dapati bahawa kadar pengetahuan *muwakkil* seperti yang dinyatakan pada jadual 9 adalah kurang memuaskan. Ini kerana hanya 42.11% sahaja dari kalangan mereka yang mengetahui secara keseluruhannya. Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak sampai separuh daripada *muwakkil* yang mengetahui secara mendalam terhadap perkara yang telah dilakukan oleh mereka sendiri. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat seorangpun dari kalangan mereka yang tidak mengetahui sama sekali terhadap makna kepada *wakālah*.

Manakala peratus pengetahuan *muwakkil* terhadap hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah* seperti penyerahan mahar dan seumpamanya adalah lebih tinggi iaitu dengan 52.63% yang mengetahui secara keseluruhannya berbanding dengan 42.11% bagi yang mengetahui kesemuanya terhadap makna *wakālah*. Walau bagaimanapun secara umumnya tahap pengetahuan responden masih lagi berada paras yang agak rendah daripada yang sepatutnya. Ini kerana ianya adalah melibatkan kepada perkara yang telulu penting dan masyhur atau makruf di kalangan anggota masyarakat.

Penguasaan wakil terhadap hukum-hukum *wakālah* juga penulis dapati ianya agak rendah. Ini kerana hanya 63.16% sahaja daripada mereka yang mengetahui sepenuhnya hukum-hukum yang bersangkutan dengan *wakālah*. Ini bermakna hampir 40% daripada wakil yang tidak dapat menguasai keseluruhan daripada hukum *wakālah*. Bahkan jadual 24 menunjukkan bahawa terdapat 5.26% yang hanya mengetahui sedikit sahaja daripada hukum-hukum *wakālah*. Bagi penulis suasana ini adalah tidak sepatutnya berlaku kerana wakil semuanya adalah terdiri daripada Imam-Imam dan bekas Imam

yang mana mereka ini adalah merupakan tempat rujukan kepada masyarakat setempat. Tambahan pula hasil kajian menunjukkan bahawa hampir 90% daripada mereka terlibat dengan semua tahun yang dikaji,. Persoalannya, adakah patut bagi wakil yang sekian lama terlibat bagi mengendalikan aqad perkahwinan dan begitu berpengalaman tidak dapat menguasai sepenuhnya dengan hukum-hukum yang melibatkan *wakālah*.

Menyentuh kepada penguasaan wakil kepada aqad perkahwinan dan *wakālah*, dapatkan menunjukkan bahawa ianya hanya terbatas kepada mazhab Imam *al-Syāfi'i* sahaja. Walau bagaimana pun, penguasaan wakil wali dengan mazhab Imam *al-Syāfi'i* sahaja tidak menjelaskan kewibawaan mereka dan ianya bukanlah merupakan satu bentuk kecacatan yang boleh menjatuhkan kedudukan.

Begitu juga maklumat yang diperolehi menunjukkan bahawa lebih daripada 50% daripada mereka tidak mengetahui *khilāf-khilāf* yang terdapat dalam mazhab Imam *al-Syāfi'i* itu sendiri. Ini bermakna kebanyakkan daripada wakil hanya hanya mengetahui pandangan terkuat atau yang difatwakan dalam mazhab sahaja. Bahkan hasil daripada kehadiran penulis ke majlis aqad yang berlangsung mendapati bahawa wakil bergantung sepenuhnya kepada teks yang disediakan. Dengan lain ibarat wakil telah melakukan aqad dengan membaca sepenuhnya teks yang ditulis dan dikeluarkan oleh Majlis Agama. Sedangkan untuk mensahkan sesuatu aqad perkahwinan ianya boleh berlaku dengan apa sahaja bentuk ibarat yang menunjukkan adanya *ijab* dan *qabul* daripada kedua-dua pihak. Pergantungan wakil kepada teks yang disediakan menunjukkan kepada kurangnya penguasaan dan keyakinan mereka kepada permasalahan.

Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat 31.58% daripada kalangan wakil telah berpandangan bahawa tidak dibolehkan untuk mengikut atau mengambil pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab *Imam al-Syāfi'i*. Ini membuktikan bahawa tahap pengetahuan hampir separuh daripada wakil dengan permasalahan adalah rendah.

Menyentuh kepada keharusan bertaklid mazhab-mazhab fiqh yang lain selain daripada mazhab *Imam al-Syāfi'i*, dapatan menunjukkan bahawa hanya 26.32% sahaja daripada wakil yang membolehkannya berbanding 57.89% yang tidak membolehkan. Ini menunjukkan bahawa kebanyakkan daripada wakil tidak mempunyai maklumat dan tidak terdedah dengan mazhab-mazhab yang lain selain daripada mazhab *Imam al-Syāfi'i*. Kenyataan ini dibuktikan lagi dengan kenyataan daripada wakil yang mana ada di antara mereka yang mengatakan bahawa beramal dengan mazhab *Imam al-Syāfi'i* adalah merupakan satu kewajipan. Namun begitu, beramal hanya dengan mazhab *Imam al-Syāfi'i* bukanlah merupakan satu kesalahan kerana ianya termasuk dalam kaedah beramal dengan yang rajih dan yang difatwakan, cuma fakta ini telah membuktikan tentang rendahnya tahap pengetahuan dan responden tidak terdedah dengan hukum secara lebih muluas. Selain itu juga kajian telah menunjukkan bahawa hampir separuh daripada wakil tidak memberikan sebarang jawapan sewaktu mana mereka ditanya tentang pandangan mereka terhadap permasalahan keharusan dan tidak harusnya mentaklid mazhab lain. Dapatkan ini membuktikan bahawa kebanyakkan dari mereka tidak mempunyai maklumat tentang mazhab-mazhab yang lain. Dengan ertikata yang lain

kebanyakkan mereka hanya mengetahui dan terdedah dengan mazhab Imam *al-Syafi'i* sahaja.

Melihat kepada dorongan responden dari pengantin lelaki yang melakukan aqad dengan sendiri, didapati bahawa terdapat sebilangan dari mereka yang tidak mengetahui bahawa melakukan aqad dengan sendiri adalah lebih *afdal*. Ini kerana terdapatnya 6 daripada 19 orang jumlah responden yang mengatakan bahawa antara faktor yang mendorong mereka melakukan aqad dengan sendiri ialah kerana telah diberi peluang oleh pihak-pihak tertentu seperti Tuan Imam ataupun Tuan Kadi. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa terdapat sebilangan daripada pengantin lelaki dan wali perempuan yang kurang yakin dan mempertikaikan kewibawaan pihak-pihak tertentu untuk melakukan aqad. Ini kerana antara sebab mereka melakukan aqad ialah kerana lebih yakin dengan diri sendiri. Kenyataan ini dikuatkan lagi apabila terdapat dari kalangan yang telah menjadikan faktor perbezaan fahaman politik dan tidak yakin dengan kebolehan Tuan Imam dan Tuan Kadi sebagai sebab tidak diwakilkan kepada pihak terbabit seperti yang dijelaskan pada jadual 4 dan 5. Walau bagaimanapun, responden yang mengatakan mereka adalah lebih berhak melakukan aqad adalah tinggi iaitu hampir 60% bagi pengantin lelaki dan melebihi 60% bagi wali pengantin perempuan.

Manakala pihak yang lebih berhak melakukan aqad mengikut pandangan *muwakkil* didapati bahawa kebanyakkan dari mereka berpandangan bahawa diri sendiri lebih berhak untuk melakukannya. Ini membuktikan bahawa pengetahuan *muwakkil* adalah tinggi dalam masalah ini. Namun begitu, hasil daripada maklumat yang

dinyatakan pada jadual 11, menunjukkan bahawa terdapat 26.32% daripada *muwakkil* yang mengatakan bahawa pihak lain seperti Tuan Imam dan Tuan Kadi lebih berhak melakukan aqad. Hal ini berlaku kerana ketiadaan keyakinan dari *muwakkil* dengan diri sendiri dan kerana kurangnya ilmu pengetahuan seperti yang dinyatakan pada jadual 8 dan 9.

Faktor gemuruh dan gementar adalah merupakan faktor paling utama berlakunya *wakālah* dalam aqad perkahwinan, namun begitu terdapat dari kalangan *muwakkil* yang lebih gemar untuk mengambil jalan mudah dengan menyerahkan kepada pihak lain untuk melakukan tugas yang sepatutnya dilakukan dengan sendiri. Selain itu, terdapat juga *muwakkil* yang menganggap bahawa mewakilkan pada pihak tertentu untuk melakukan aqad adalah adat penduduk kampung yang perlu dilakukan . Dapatan ini membuktikan bahawa, *muwakkil* kurang pengetahuan dan seterusnya kurang mengambil berat terhadap tajuk kajian. Seterusnya kajian juga menunjukkan bahawa terdapat diantara wakil yang berkeinginan untuk menjadi wakil. Hal ini dapat dilihat apabila terdapatnya 7.14% dari *muwakkil* yang mengatakan bahawa faktor beliau mewakilkan ialah kerana ingin menjaga hubungan dengan Tuan Imam. Bahkan sewaktu berwakil, *muwakkil* sama sekali tidak digalak atau dianjurkan oleh wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri. Dapatan ini jelas seperti yang dinyatakan pada jadual 12.

Jadual 13 menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada *muwakkil* telah melantik tuan Imam sebagai wakil bagi mereka. Menurut maklumat yang diperolehi

daripada Pegawai Tadbir Agama Daerah Yan, Syeikh Mohamad bin Awang¹, kebiasaannya pihak mereka tidak akan menjadi wakil kepada mana-mana pihak kecuali dalam kes-kes yang tertentu sahaja seperti ketiadaan wali dan seumpanya. Dengan erti kata yang lain, setiap *wakalah* mestilah diberikan atau diserahkan kepada Tuan Imam kariah masing-masing. Bahkan menurut kenyataan yang diberikan kepada penulis, jika pihaknya terpaksa menjadi wakil, aqad akan dilakukan dengan disaksikan oleh Imam kariah masing-masing.

Melihat kepada faktor-faktor yang telah menyebabkan *muwakkil* telah melantik pihak-pihak tertentu seperti Imam, Kadi dan Tuan Guru untuk melakukan aqad, didapati bahawa lebih daripada 40% dari mereka melakukannya kerana ingin mengambil jalan mudah. Ini menggambarkan bahawa *muwakkil* tidak mengambil berat dengan aqad yang sepatutnya dilakukan olehnya sendiri. Selain dari itu, terdapat juga *muwakkil* yang mewakilkan kerana kurang yakin dengan diri sendiri. Tidak kurang juga yang tidak faham dengan permasalahan apabila ia menyatakan sebab ia mewakilkan ialah kerana wakil adalah merupakan Imam kariahnya. Dengan erti kata yang lain, oleh kerana wakil adalah imam, maka secara langsung ianya diwakilkan untuk melakukan aqad. Selain dari itu, faktor tidak ingin tercalarnya hubungan dengan Tuan Imam adalah merupakan faktor yang menyebabkan *muwakkil* mewakilkan kepada Tuan Imam untuk melakukan aqad. Faktor ini menyebabkan *muwakkil* tidak berpuas hati sepenuhnya dengan aqad yang dilakukan oleh wakil seperti yang dijelaskan pada jadual 15.

¹ Temubual berlangsung pada 27/2/2002, jam 10.30 pagi.

Sekalipun *wakālah* boleh berlaku secara umum dengan tidak ditentukan pasangan yang akan dikahwini dan jumlah mahar yang dipersetujui, kajian mendapati bahawa keseluruhan *muwakkil* telah menentukan kepada wakil pihak yang akan dikahwini. Begitu juga dengan mahar, didapati bahawa hampir 90% dari kalangan *muwakkil* telah menentukannya secara jelas dan pasti kepada wakil. Ini bermakna *wakālah* secara terikat atau *muqayyad* sahaja yang biasanya berlaku dan diamalkan dalam masyarakat.

Walaupun *wakālah* boleh berlaku dengan bersebab ataupun tidak bersebab, Kajian mendapati bahawa lebih separuh daripada wakil tidak menanyakan kepada *muwakkil* sebab-sebab mereka berwakil. Fakta ini adalah penting bagi mengetahui tahap keprihatinan wakil dengan permasalahan yang dihadapi oleh *muwakkil*. Dapatkan ini menunjukkan bahawa wakil terlalu mudah menerima *wakālah* dan sekaligus ianya menunjukkan bahawa kurangnya perhatian daripada pihak wakil untuk merubah masyarakat kepada melakukan sesuatu yang lebih baik. Walau bagaimanapun kajian menunjukkan terdapat 42.11% wakil yang menanyakan sebab-sebab berlakunya *wakālah*.

Sewaktu menerima *wakālah*, hampir keseluruhan daripada wakil berpandangan bahawa *muwakkil* berkelayakkan untuk berwakil. Namun begitu terdapat sebilangan daripada mereka yang telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi menambahkan lagi keyakinan dengan kedudukan wali. Bagi penulis keyakinan wakil dengan kedudukan wali adalah cukup penting bagi membolehkan upacara aqad dijalankan dengan sempurna tanpa sebarang keraguan. Bahkan langkah tertentu yang diambil seperti bertaubat dan

mengulangi *Kalimah Syahadah* adalah merupakan langkah yang bijak dan terbaik bagi mengelak dari berlakunya sebarang bentuk pertikaian pada masa akan datang.

Menyentuh tentang wakil yang memberi galakkan kepada *muwakkil* supaya melakukan aqad dengan sendiri, didapati daripada maklum balas dari wakil menunjukkan bahawa 73.68% daripada mereka telah memberikan galakkan supaya *muwakkil* melakukan aqad dengan sendiri dan 10.53% mengatakan tidak seperti pada jadul 31. Walaubagaimanapun, jumlah ini bertentangan dengan maklumat yang diperolehi daripada *muwakkil* sendiri dimana dapatan menunjukkan bahawa 73.68% mengatakan mereka tidak digalakkan oleh wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri dan hanya 21.05% sahaja mengatakan mereka digalakkan seperti pada jadual 19. Dalam hal ini, bagi penulis, maklum balas yang diterima dari *muwakkil* adalah lebih tepat. Ini kerana seperti yang disebutkan sebelum daripada ini, jumlah wakil yang bertanyakan kepada *muwakkil* sebab-sebab keengganannya untuk melakukan aqad tidak sampai 50%. Bagi pendapat penulis, jika kebanyakkan wakil tidak menyatakan *muwakkil*, bagaimanakah ia akan menggalakkan *muwakkil* untuk melakukan aqad dengan sendiri. Bahkan seperti yang dinyatakan pada jadual 33, antara sebab atau faktor terbesar berlakunya *wakālah* pada pandangan wakil ialah kerana *muwakkil* ketiadaan atau kurangnya ilmu pengetahuan agama. Jika faktor terbesar menurut wakil ialah kerana kurangnya dan ketiadaan pengetahuan agama, bagaimana mungkin wakil akan menggalakkan *muwakkil* supaya melakukan aqad dengan sendiri. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat 5.26% dari wakil yang mengambil jalan tengah iaitu dengan memberikan galakkan supaya

muwakkil melakukan aqad dengan sendiri jika ia berpendidikan agama dan tidak digalakkan jika *muwakkil* bukan dari kalangan yang berpendidikan agama.

Dapatkan seterusnya yang berlaku pertentangan antara wakil dan *muwakkil* ialah tentang memberi bimbingan dan tunjuk ajar cara-cara untuk melakukan aqad. Hasil maklumat yang diterima menunjukkan bahawa 52.63% wakil mengatakan bahawa mereka memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada *muwakkil* cara-cara untuk melakukan aqad. Manakala dapatan daripada *muwakkil* pula seperti yang dinyatakan pada jadual 20, menunjukkan bahawa 84.21% mengatakan mereka tidak mendapat bimbingan dan tunjuk ajar dari wakil cara-cara untuk melakukan aqad dengan sendiri. Bagi penulis, menjadi satu tanggungjawab wakil untuk memberi galakkan dan seterusnya memberi tunjuk ajar kepada *muwakkil* cara-cara atau *kaifiat* untuk melakukan aqad dengan sendiri. Walaubagaimanapun terdapat seorang wakil yang mengambil jalan tengah iaitu dengan memberi tunjuk ajar kepada *muwakkil* jika ia berkeinginan untuk melakukan aqad dengan sendiri. Pandangan ini adalah pandangan pertengahan yang sepatutnya diketengahkan sebagai langkah bijak bagi mengelak dari berlakunya sikap terlalu mudah menerima *wakālah*.

Menyentuh tentang bayaran , penulis dapati bahawa, kesemua wakil tidak mengenakan sebarang bayaran sebagai upah terhadap aqad yang telah dilakukan. Ini menunjukkan bahawa kesemua mereka melakukan tugas dengan penuh keikhlasan dan bertanggungjawab. Walau bagaimanapun setiap pasangan yang berkahwin dikenakan

bayaran pendaftaran nikah sebanyak RM80. Menurut maklumat yang diterima dari wakil, bayaran ini tetap dikenakan sekalipun pihak yang terlibat melakukan aqad dengan sendiri.

Antara faktor yang dianggap telah memberi kesan kepada pengamalan dan penghayatan responden dengan tajuk kajian ialah taraf dan aliran pendikan dan kehadiran responden ke majlis pengajian ilmu yang diadakan secara tidak formal seperti di masjid-masjid dan surau-surau. Untuk mendapatkan perolehan yang lebih detail setiap permasalahan akan dilihat secara satu persatu.

Hasil kajian mendapati bahawa taraf pendidikan telah memainkan peranan yang cukup penting dan dianggap sebagai faktor yang cukup memberi kesan kepada penghayatan dan pengamalan masyarakat kepada tajuk kajian. Ini dapat dilihat apabila dibandingkan antara responden yang melakukan aqad dengan sendiri dan *muwakkil*. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua responden yang mendapat pendidikan di IPT telahpun melakukan aqad dengan sendiri. Manakala responden yang mendapat pendidikan di Sekolah Menengah pula, didapati bahawa 19 daripada mereka telah melakukan aqad dengan sendiri berbanding dengan 9 orang sahaja yang mewakilkan kepada pihak lain, sementara bagi taraf Sekolah Rendah dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah yang mewakilkan adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan yang melakukan aqad dengan sendiri dengan nisbah 8 :3. Begitu juga dengan responden yang tidak bersekolah didapati bahawa yang mewakilkan adalah lebih banyak dari yang melakukan dengan sendiri iaitu dengan nisbah 2 :1. Hasil daripada maklumat di atas menunjukkan bahawa taraf pendidikan adalah penyumbang utama kepada pengamalan

masyarakat dengan tajuk kajian. Dengan erti kata lain, responden yang lebih tinggi taraf pendidikan lebih gemar melakukan aqad dengan sendiri berbanding yang lebih rendah taraf pendidikannya.

Menyentuh tentang pandangan wakil terhadap amalan *wakālah*, didapati bahawa taraf pendidikan yang berbeza telah menyebabkan berlakunya perbezaan pada pandangan mereka. Hasil dari maklumat yang dikumpul, didapati bahawa 100% wakil dari IPT menganggap ianya adalah kurang baik berbanding dengan 45.44% dari Sekolah Menengah dan 75% dari Sekolah Rendah. Baki dari Sekolah Rendah menganggap bahawa ianya adalah baik. Manakala baki dari Sekolah Menengah yang berjumlah 36.36% mengatakan bahawa *wakālah* adalah suatu yang baik dan baki dari mereka yang berjumlah 9.1% mengatakan biasa sahaja. Dengan erti kata yang lain, wakil tidak merasakan apa-apa sewaktu mana ianya diwakilkan. Walaupun kajian mendapati bahawa pandangan wakil adalah berbeza, ianya tidak menafikan tentang *aulanya wali* untuk melakukan aqad dengan sendiri. Bahkan hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua mereka dari setiap aliran pendidikan berpandangan bahawa wali adalah lebih berhak untuk melakukan aqad seperti yang dinyatakan pada jadual 3. Hal ini dapat dilihat secara jelas apabila kebanyakkan dari mereka mengatakan bahawa mereka terpaksa menerima *wakālah* dari wali perempuan samaada kerana ingin menolong ataupun kerana wali kurang dan tidak memiliki ilmu agama.

Penguasaan masyarakat terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan menunjukkan bahawa penguasaan wali pengantin perempuan yang

melakukan aqad dengan sendiri dari taraf pendidikan IPT adalah lebih baik. Ini kerana dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa 100% dari mereka telah mengetahui sepenuhnya terhadap hukum-hukum terbabit berbanding dengan 40% dari taraf Sekolah Menengah dan 66.67% dari taraf pendidikan Sekolah Rendah. Begitu juga dengan pengantin lelaki, kajian membuktikan bahawa pengetahuan responden dari IPT adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan dari taraf pendidikan Sekolah Menengah. Sementara taraf pengetahuan *muwakkil* pula, dapatan menunjukkan bahawa penguasaan sepenuhnya kepada hukum dari taraf tidak bersekolah adalah lebih tinggi daripada penguasaan taraf pendidikan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Data di atas membuktikan bahawa taraf pendidikan hanya mempengaruhi kepada wakil dan mereka yang melakukan aqad dengan sendiri sahaja. Manakala *muwakkil* pula, dapatan menunjukkan bahawa taraf pendidikan tidak memberikan sebarang kesan dan implikasi kepada tahap pengetahuan mereka.

Jadual 2 menunjukkan bahawa penguasaan wakil secara keseluruhan terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan *wakālah* adalah lebih tinggi bagi taraf pendidikan Sekolah Menengah jika dibandingkan dengan Universiti dan Sekolah Rendah. Manakala bagi tahap sebahagian besar didapati taraf pendidikan Universiti adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan Sekolah Menengah. Dapatkan ini menunjukkan bahawa terdapat faktor lain yang mempengaruhi tahap pengetahuan wakil kepada hukum yang bersangkutan dengan *wakālah*. Jadual juga menunjukkan bahawa hanya 25% wakil dari Sekolah Rendah yang masih ragu-ragu dengan tahap penguasaan mereka sendiri kepada

hukuk-hukum *wakālah*. Ini dibuktikan apabila mereka tidak memberikan jawapan kepada persoalan yang dikemukakan.

Menyentuh tentang penguasaan wakil lagi, didapati bahawa kesemua mereka dari setiap taraf pendidikan kecuali 25% dari Sekolah Menengah yang tidak memberikan jawapan hanya mengetahui hukum berkaitan dengannya dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī* sahaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan sama sekali tidak membantu untuk wakil mengusai mazhab-mazhab yang lain. Dengan erti kata yang alin, kesemua responden dari setiap taraf pendidikan hanyan mengetahui dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī* sahaja. Namun begitu, taraf pendidikan telah mempengaruhi wakil kepada mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī*. Jadual 2 telah membuktikan kenyataan ini dengan menunjukkan bahawa 100% wakil dari IPT telah menyatakan ya berbanding dengan 45.45% dari Sekolah Menengah dan 25% dari Sekolah Rendah.

Selain dari itu, taraf pendidikan juga telah memberi kesan kepada pandangan wakil kepada keharusan beramal dengan pandangan kedua dan seterusnya yang terdapat dalam mazhab Imam Syāfi’ī dan keharusan mentaklid mazhab-mazhab yang lain. Walau bagaimanapun, peratus wakil dari taraf Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah yang mengatakan boleh beramal dengan pandangan kedua dan seterusnya adalah lebih tinggi daripada peratus yang membolehkan mentaklid mazhab-mazhab yang lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa wakil dari IPT adalah lebih mengusai permasalahan jika dibandingkan dengan yang lain. Begitu juga kajian telah menunjukkan bahawa terdapat

sebahagian dari wakil yang tidak dapat memberikan jawapan kepada persoalan yang dikemukakan. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak pernah terdedah dengan pandangan yang lain dalam mazhab dan lebih-lebih lagi dengan mazhab-mazhab yang lain. Dengan ibarat yang lain, mereka hanya terdedah dengan pandangan yang terkuat atau *rajih* dalam mazhab Imam *al-Syāfiī* sahaja.

Tahap pengetahuan *muwakkil* kepada makna *wakālah* pula didapati bahawa *muwakkil* yang tidak bersekolah adalah lebih tinggi berbanding dengan Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah. Walau bagaimanapun terdapat sedikit perbezaan antara masyarakat terhadap hak-hak *wakālah* di mana pengetahuan *muwakkil* dari Sekolah Menengah adalah lebih tinggi berbanding dengan Sekolah Rendah dan tidak bersekolah . Dapatkan di atas menunjukkan bahawa tahap pendidikan tidak memberi kesan kepada pengetahuan *muwakkil* terhadap makna *wakālah* tetapi sebaliknya kepada hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah*.

Menyentuh kepada siapakah yang lebih berhak melakukan aqad mengikut pandangan responden didapati bahawa kesemua wakil dari setiap taraf pendidikan berpandangan wali adalah lebih berhak berbanding dengan wakil. Walau bagaimanapun hal ini berbeza dengan *muwakkil* di mana tidak kesemua dari *muwakkil* yang berpandangan demikian. Jadual 2 menunjukkan bahawa 12.5% *muwakkil* dari taraf pendidikan Sekolah Rendah dan 22.22% dari Sekolah Menengah berpandangan bahawa Tuan Imam adalah lebih berhak untuk melakukan aqad. Begitu juga, jadual menunjukkan bahawa 12.5% *muwakkil* dari Sekolah Rendah berpandangan bahawa Tuan Kadi dan

Tuan Imam adalah lebih berhak melakukan aqad. Dapatan ini menunjukkan bahawa masih terdapat dari kalangan anggota masyarakat yang masih belum memahami dan mengetahui permasalahan dengan tepat. Selain itu jadual membuktikan bahawa pengetahuan *muwakkil* dari mereka yang tidak bersekolah adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan lainnya. Secara tidak langsung ianya menunjukkan bahawa taraf pendidikan tidak mempengaruhi *muwakkil* dengan soalan yang dikemukakan.

Hasil dari kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakkan *muwakkil* telah mewakilkan kepada Tuan Imam berbanding dengan pihak-pihak yang lain. Selain itu faktor ingin mengambil jalan mudah adalah merupakan faktor utama berlakunya *wakālah* dari *muwakkil* taraf pendidikan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Manakala bagi *muwakkil* yang tidak bersekolah pula, *wakālah* berlaku kerana ingin mengambil berkat dan mejaga hubungan dengan Tuan Imam. Menurut wakil dari taraf Sekolah Menengah pula, punca utama berlakunya *wakālah* ialah kerana wali kekurangan ilmu agama dan kedunya kerana wali tiada pengetahuan agama. Manakala menurut wakil dari taraf Universiti pula, punca utama berlakunya *wakālah* ialah kerana *muwakkil* ingin mengambil jalan mudah. Dapatan ini menunjukkan bahawa belakunya perbezaan pandangan antara *muwakkil* dan wakil dalam menentukan faktor-faktor berlakunya *wakālah* dalam aqad perkahwinan.

Menurut kenyataan wali pengantin perempuan dari taraf Sekolah Menengah, keyakinan kepada diri sendiri dan keinginan untuk mempraktikkan ilmu adalah merupakan faktor utama mereka melakukan aqad dengan sendiri. Faktor lebih *afdal* dan

ingin mencuba adalah merupakan faktor tidak berlakunya *wakālah* dari kalangan mereka yang tidak bersekolah. Wali dari taraf Sekolah Rendah telah melakukan aqad kerana kehendak sendiri dan kerana *afdal* dan diberi peluang oleh pihak tertentu seperti Imam atau Kadi. Manakala wali dari taraf IPT pula telah melakukan aqad kerana ketiadaan wali *mujbir*. Kesimpulan dari kenyataan di atas menunjukkan bahawa wali pengantin perempuan dari kalangan mereka yang tidak bersekolah dan Sekolah Rendah lebih memahami faktor mereka melakukan aqad dengan sendiri. Ini kerana faktor lebih *afdal* adalah merupakan sebab mereka tidak mewakilkan kepada pihak-pihak yang tertentu.

Pengantin lelaki dari taraf Sekolah Menengah telah menjadikan faktor lebih yakin dengan sendiri sebagai faktor utama mereka melakukan aqad dengan sendiri, kemudian diikuti oleh faktor diberi peluang oleh pihak tertentu sebagai faktor kedua. Manakala dari IPT pula didapati bahawa kesemua faktor seperti pada jadual 4 dianggap sebagai faktor mereka melakukan aqad dengan sendiri kecuali faktor diberi peluang.

Ini menunjukkan bahawa keyakinan kepada diri sendiri dari kalangan pengantin lelaki adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan wali perempuan. Selain dari itu sikap pihak tertentu juga adalah penting ke arah menolong anggota masyarakat untuk melakukan aqad dengan sendiri.

Melihat kepada sikap wakil, dapatkan menunjukkan bahawa kesemua wakil dari IPT telah bertanya kepada *muwakkil* sebab-sebab ia berwakil berbanding dengan hampir separuh dari Sekolah Menengah yang bertanya. Manakala wakil dari Sekolah Rendah

tidak bertanya sama sekali. Dapatan ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan wakil telah mempengaruhi mereka untuk bertanya ataupun tidak. Dapatan ini sekali gus menunjukkan bahawa *muwakkil* dari IPT lebih mengambil berat kepada permasalahan yang berlaku dan menimpa khususnya kepada *muwakkil* berbanding dengan dari taraf lainnya.

Menyentuh kepada penentuan mahar oleh *muwakkil* kepada wakil , didapati bahawa taraf pendidikan telah menyebabkan berlakunya perbezaan yang agak ketara dari kalangan *muwakkil*. Jadual 5 menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* dari Sekolah Menengah telah menentukan jumlah mahar berbanding dengan 87.5% dari Sekolah Rendah dan 50% dari tidak bersekolah yang telah menentukan mahar . Dapatan ini menunjukkan bahawa *muwakkil* dari Sekolah Menengah lebih berhati-hati dalam masalah penentuan mahar agar tidak berlakunya pertikaian dikemudian hari berbanding dengan lainnya.

Faktor lebih layak adalah merupakan sebab wali pengantin perempuan dan pengantin lelaki tidak mewakilkan kepada pihak Tuan Kadi dan Tuan Imam untuk melakukan aqad. Ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan mereka yang melakukan aqad dengan sendiri adalah lebih tinggi . Walau bagaimanapun jadual 5 juga menunjukkan bahawa terdapat dari kalangan mereka yang tidak mewakilkan kepada pihak-pihak berkenaan kerana berlakunya perbezaan fahaman politik. Hasil soalan lisan yang penulis kemukakan kepada salah seorang wali pengantin perempuan yang menjadikan perbezaan fahaman politik sebagai salah satu sebab dia tidak mewakilkan

kepada pihak tertentu, beliau menyatakan bahawa fahaman politik UMNO yang mempejuangkan semangat kebangsaan dan menolak perlaksanaan undang-undang Islam menyebabkan mereka menjadi fasik, bahkan kadang-kadang boleh membawa kepada keluarnya mereka dari Islam.

Jadual 4 menunjukkan bahawa keseluruhan wakil dari taraf pendidikan IPT telah menggalakkan kepada *muwakkil* supaya melakukan aqad dengan sendiri berbanding dengan 72.7% dari Sekolah Menengah dan 75% dari Sekolah Rendah yang memberikan galakan. Dapatan ini membuktikan bahawa wakil dari taraf IPT lebih kehadapan dan mengambil berat dengan permasalahan.*muwakkil* khususnya berbanding dengan taraf Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

Kajian menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* dari setiap aliran pendidikan tidak meminta dari wakil untuk melakukan aqad dengan sediri. Begitu juga kajian membuktikan bahawa kesemua mereka tidak meminta supaya diajarkan cara-cara untuk melakukan aqad. Dapatan ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan masyarakat tidak mempengaruhi mereka untuk minta melakukan dan diajarkan cara-cara untuk melakukan aqad. Selain itu pihak *muwakkil* terlalu mengharapkan kepada pihak lain bagi melakukan tugasnya dan membuktikan juga bahawa mereka lebih mengambil sikap ambil mudah.

Faktor kedua yang dijangka mempengaruhi pengamalan dan penghayatan masyarakat terhadap tajuk kajian ialah aliran pendidikan .Bagi mendapatkan maklumat yang terperinci, dapatan akan dibentangkan satu persatu.

Melihat kepada data kajian, dapatan menunjukkan bahawa keseluruhan wakil dan wali pengantin perempuan yang telah melakukan aqad dengan sendiri adalah terdiri kalangan mereka yang mendapat didikan di aliran agama samaada Sekolah Menengah Agama ataupun Pondok. Manakala pengantin lelaki pula adalah terdiri aliran Menengah Kebangsaan dan Menengah Agama sahaja. Aliran pendidikan *muwakkil* pula adalah terdiri daripada lepasan aliran Menengah Kebangsaan, Menengah Agama dan Pondok. Dapatan ini membuktikan bahawa aliran pendidikan amat mempengaruhi kepada pengamalan masyarakat terhadap *wakālah*. Ini kerana dapatan telah membuktikan bahawa kesemua wakil dan wali pengantin perempuan yang telah melakukan aqad dengan sendiri adalah terdiri dari kalangan mereka yang berpendidikan agama. Dengan erti kata yang lain tidak ada seorang pun dari kalangan mereka yang berpendidikan Menengah biasa. Hal ini berbeza dengan *muwakkil* dimana mereka adalah anggota masyarakat yang terdiri dari berbagai aliran pendidikan.

Jadual 8 menunjukkan bahawa tahap pengetahuan wali pengantin perempuan secara keseluruhannya kepada hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad dari aliran Menengah Agama adalah lebih tinggi daripada aliran Pondok. Manakala pengetahuan pengantin lelaki pula didapati bahawa aliran Menengah Agama adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan aliran Menengah Kebangsaan. Pengetahuan sepenuhnya *muwakkil* dari aliran Menengah Kebangsaan dan Pondok ialah masing-masing separuh dari jumlah keseluruhan. Manakala *muwakkil* dari aliran Menengah Agama pula keseluruhan mereka mengetahui sebahagian besar daripada hukum yang berkaitan dengan aqad. Dapatan ini membuktikan bahawa aliran pendidikan *muwakkil* tidak berapa memberi kesan kepada

kadar pengetahuan mereka dengan hukum-hukum yang berkaitan dengan aqad. Walau bagaimanapun peratus pengetahuan *muwakkil* dari aliran Pondok kepada hukum *wakālah* adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan aliran-aliran yang lain. Begitu juga kajian melihatkan bahawa pengetahuan *muwakkil* kepada hak-hak *wakālah* adalah lebih tinggi dari aliran Pondok. Data ini menunjukkan kepada kita bahawa pengetahuan *muwakkil* dari aliran Pondok terhadap makna dan hak-hak *wakālah* adalah tinggi dari aliran Menengah Kebangsaan. Walau bagaimanapun hal ini berbeza dengan wali perempuan di mana kajian seperti pada jadual 9 telah membuktikan bahawa pengetahuan wali dari aliran Menengah Agama adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan aliran Pondok Begitu juga dengan pengantin lelaki, dapatkan membuktikan bahawa pengetahuan mereka dari aliran Menengah Agama adalah lebih tinggi dari aliran Menengah Kebangsaan.

Menyentuh kepada tahap pengetahuan wakil dengan *wakālah*, dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara aliran Menengah Agama dan Pondok. Begitu juga kajian membuktikan bahawa pengetahuan mereka hanya khusus kepada Mazhab Imam *al-Syāfi’ī* sahaja. Ini membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan antara aliran Menengah Agama dan aliran Pondok dalam mengusai hukum-hukum yang berkaitan dengan tajuk kajian. Walau pun wakil hanya mengetahui Mazhab Imam *al-Syāfi’ī* sahaja , dapatan menunjukkan bahawa peratus mereka yang mengetahui pandangan kedua, ketiga dan seterusnya dalam Mazhab Imam *al-Syāfi’ī* dari aliran Menengah Agama adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan aliran Pondok . Begitu juga kajian membuktikan bahawa 62.5% dari aliran Menengah Agama mengatakan boleh

untuk mengikut pandangan yang ada dalam Mazhab Imam *al-Syāfi'i* berbanding dengan hanya 33.33% sahaja dari aliran Pondok yang membolehkan untuk mengikut pandangan yang ada. Menyentuh tentang mentaklid mazhab *fiqh* yang lain pula, dapatan membuktikan bahawa wakil dari Sekolah Menengah Agama yang membolehkannya ialah 50% berbanding dengan 11.11% dari aliran Pondok yang membolehkannya. Kesimpulan daripada dapatan ini ialah pengetahuan wakil Sekolah Menengah Agama adalah lebih mendalam dan sikap mereka dengan *khilaf* adalah lebih terbuka jika dibandingkan dengan wakil dari aliran Pondok. Seterusnya fakta di atas juga membuktikan bahawa wakil dari Sekolah Menengah Agama adalah lebih terdedah dengan mazhab-mazhab *fiqh* yang ada berbanding dengan wakil dari aliran Pondok.

Jadual 11 menunjukkan bahawa wali pengantin perempuan dan kebanyakkan pengantin lelaki dari setiap aliran tidak mewakilkan kepada pihak tertentu seperti Tuan Imam dan Tuan Kadi ialah kerana mereka adalah lebih layak untuk melakukan aqad. Walaupun begitu, jadual juga telah menunjukkan bahawa terdapat segelintir wali perempuan dari Menengah Agama dan pengantin lelaki dari aliran Menengah Kebangsaan yang telah menjadikan faktor perbezaan fahaman politik sebagai salah satu faktor tidak mewakilkan kepada pihak lain. Selain itu, terdapat juga sebilangan pengantin lelaki yang dari aliran Menengah Kebangsaan telah melakukan aqad dengan sendiri kerana tidak yakin dengan kebolehan pihak terbabit, memilih yang *afdal* dan ingin mempraktikkan ilmu. Dapatkan ini membuktikan bahawa kefahaman mereka dari setiap aliran pendidikan dengan kelayakkan masing-masing untuk melakukan aqad adalah lebih tinggi, khususnya dari aliran Agama samaada Menengah Agama ataupun Pondok. Ini

kerana kebanyakan responden dari aliran Menengah Agama dan kesemua responden dari aliran Pondok telah menjadikan faktor mereka lebih layak sebagai sebab tidak diwakilkan kepada pihak-pihak tertentu seperti Imam dan Kadi.

Aliran pendidikan wakil tidak mempengaruhi mereka dalam menentukan siapakah yang lebih berhak untuk melakukan aqad. Jadual 3 menunjukkan bahawa kesemua wakil dari setiap aliran telah mengatakan bahawa wali perempuan adalah lebih berhak untuk melakukan aqad. Walau bagaimanapun jadual juga telah membuktikan bahawa wakil dari aliran Menengah Agama lebih prihatin dengan permasalahan. Ini kerana 62.5% dari mereka telah bertanyakan kepada *muwakkil* sebab-sebab keengganannya untuk melakukan aqad dengan sendiri berbanding dengan hanya 33.33% sahaja dari aliran Pondok yang bertanyakan kepada *muwakkil*.

Dapatan kajian juga telah membuktikan bahawa *muwakkil* dari aliran Pondok dan Menengah Agama lebih memahami dan mengetahui siapakah yang yang lebih berhak untuk melakukan aqad berbanding dengan *muwakkil* dari aliran Menengah Kebangsaan. Berdasarkan kepada jadual 2, dapatan menunjukkan bahawa 50% dari *muwakkil* aliran Menengah Kebangsaan telah mengatakan bahawa Tuan Imam lebih berhak untuk melakukan aqad. Kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa pendidikan *muwakkil* adalah merupakan faktor yang mempengaruhi kefahaman dan pengamalan mereka dengan tajuk kajian.

Jadual 2 juga menunjukkan bahawa faktor gemuruh adalah merupakan sebab utama berlakunya *wakālah* dari kalangan aliran Menengah Agama. Manakala Menengah Kebangsaan pula faktor utama kepada berlakunya *wakālah* ialah kerana mengikut adat penduduk kampung . Manakala dari aliran Pondok pula, faktor berlakunya *wakālah* ialah kerana gemuruh, cari keberkatan dan sibuk dengan kenduri. Dapatan ini membuktikan bahawa aliran Pondok lebih berkemampuan untuk melakukan aqad dengan dengan sendiri kerana 25% sahaja dari mereka yang berwakil adalah kerana gementar. Dengan erti kata yang lain, jika bukan kerana untuk mendapatkan keberkatan dari wakil atau kerana sibuk dengan kenduri, sudah pasti mereka akan melakukannya dengan sendiri. Bahkan hasil daripada temubual penulis dengan salah seorang *muwakkil*, beliau dengan jelas menyatakan bahawa sebelum dari ini, beliau telah mengahwinkan dengan sendiri anak gadisnya.

Jadual 3 menunjukkan bahawa faktor aliran pendidikan tidak mempengaruhi *muwakkil* dalam menentukan wakil secara bebas dan jumlah wakil yang dilantik. Dengan erti kata yang lain, kesemua mereka telah menentukan wakil secara khusus bagi mengendalikan aqad dan hanya melantik seorang sahaja untuk menjadi wakil. Dapatan ini membuktikan bahawa mereka telah mengambil satu langkah yang tepat dan wajar ke arah mengelak daripada berlakunya pertikaian dan selisih faham antara wakil dan *muwakkil*. Selain dari itu, jadual juga menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* dari aliran Menengah Kebangsaan telah melantik Tuan Imam sebagai wakil bagi pihak mereka berbanding dengan 66.67% dari aliran Menengah Agama dan 50% dari Pondok yang telah melantik tuan Imam. Baki dari aliran Menengah Agama tidak memberikan jawapan berbanding

dengan aliran Pondok yang telah melantik Tuan Guru dan Tuan Kadi untuk menjadi wakil. Dapatkan ini menguatkan fakta sebelum daripada ini yang mengatakan bahawa *muwakkil* dari aliran Pondok lebih berkemungkinan untuk melakukan aqad dengan sendiri. Ini kerana antara sebab mereka berwakil ialah kerana untuk mencari keberkatan dari wakil, khususnya jika wakil adalah merupakan Tuan Guru.

Jadual 4 telah menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* dari setiap aliran pendidikan telah menentukan pasangan yang akan dikahwini secara jelas kepada wakil. Begitu juga dengan penentuan mahar, dapatkan menunjukkan bahawa kesemua mereka telah menentukan mahar secara pasti kepada wakil. Menyentuh tentang tahap kepuasan mereka dengan aqad yang dilakukan oleh wakil, dapatkan menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* dari aliran Menengah Kebangsaan dan Pondok telah berpuas hati dengan aqad yang dilakukan. Manakala aliran Menengah Agama pula, kebanyakkan mereka berpuas hati dengan aqad yang berlangsung dan baki daripada mereka tidak memberikan sebarang jawapan. Berdasarkan kepada dapatkan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa aliran pendidikan *muwakkil* tidak mempengaruhi mereka dalam perkara penentuan pasangan yang dikahwini dan mahar. Begitu juga aliran pendidikan *muwakkil* tidak memberi kesan kepada tahap kepuasan mereka dengan aqad yang dilakukan oleh wakil. Melihat kepada jadual 5 pula, dapatlah disimpulkan bahawa aliran pendidikan *muwakkil* juga tidak memberikan kesan atau tidak membezakan antara mereka dalam perkara meminta kebenaran dari wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri. Begitu juga dengan perkara meminta kepada wakil supaya menganjurkan atau menunjukkan kepada mereka cara-cara untuk melakukan aqad dengan sendiri. Dapatkan ini menunjukkan bahawa kesemua

muwakkil dari setiap aliran pendidikan tidak bersungguh-sungguh untuk melakukan aqad atau dengan ibarat yang lain, mereka memang mengharapkan sepenuhnya supaya wakil melakukan aqad bagi pihak mereka.

Melihat kepada peratus wakil yang memberikan galakkan kepada *muwakkil* supaya melakukan aqad dengan sendiri, daptan pada jadual 4 menunjukkan bahawa peratus wakil dari aliran Menengah Agama yang menggalakkan adalah lebih tinggi iaitu 75% berbanding dengan 66.67% dari aliran Pondok. Jadual juga menunjukkan bahawa terdapat 12.5% wakil dari aliran Menengah Agama yang telah mengambil jalan tengah iaitu dengan memberi galakkan jika *muwakkil* adalah dari kalangan mereka yang berpendidikan Agama. Dapatan ini menunjukkan bahawa wakil dari aliran Menengah Agama adalah lebih prihatin dengan permasalahan dan lebih terbuka dengan perbincangan . Bahkan kenyataan ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi apabila dapatan kajian menunjukkan bahawa 75% wakil dari aliran Menengah Agama telah memberi tunjuk ajar kepada *muwakkil* cara-cara atau kaifiat untuk melakukan aqad berbanding dengan hanya 44.44% dari aliran Pondok yang melakukannya.

Menurut wakil dari aliran Menengah Agama, punca utama berlakunya *wakālah* ialah disebabkan oleh wali yang kurang pengetahuan agama. Diikuti oleh faktor kedua iaitu kerana sikap wali yang ingin mengambil jalan mudah. Manakala faktor ketiga ialah kerana wali gementar dan faktor wali ketiadaan ilmu agama sebagai sebagai faktor keempat kepada berlakunya *wakālah* dalam aqad perkahwinan. Manakala menurut wakil dari aliran Pondok pula, faktor utama kepada berlakunya *wakālah* ialah kerana wali tiada

pengetahuan agama. Faktor lain pula mengikut pandangan wakil aliran Pondok ialah kerana wali gementar dan faktor mengambil jalan mudah dan kurang pengetahuan agama adalah faktor ketiga kepada berlakunya *wakālah* mengikut pandangan wakil dari aliran Pondok. Namun apabila dilihat secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa faktor utama berlakunya *wakālah* ialah kerana wali kurang dan tiada pengetahuan agama. Kemudian diikuti oleh faktor mengambil jalan mudah dan gementar sebagai faktor kedua kepada berlakunya *wakālah* mengikut pandangan wakil dan *muwakkil*.

Faktor ketiga yang dianggap mempengaruhi masyarakat dengan tajuk kajian ialah kehadiran mereka ke majlis-majlis pengajian ilmu yang diadakan di kawasan sekitar masing-masing. Bagi memperincikannya lagi, maklumat kajian akan dibentangkan secara detail.

Secara umumnya , dapatan dari kajian membuktikan bahawa kehadiran wakil dan wali perempuan yang melakukan aqad dengan sendiri adalah lebih membanggakan jika dibandingkan dengan kehadiran *muwakkil* dan pengantin lelaki. Ini kerana kehadiran wakil dan wali perempuan ke majlis ilmu hanya dalam dua bentuk sahaja iaitu selalu hadir atau kadang-kadang hadir. Manakala kehadiran *muwakkil* dan pengantin lelaki ialah selalu, kadang-kadang , terlalu jarang dan tidak hadir sama sekali. Dapatan ini membuktikan bahawa kehadiran *muwakkil* dan pengantin lelaki adalah tidak membanggakan kerana terdapat di antara mereka yang terlalu jarang dan tidak hadir sama sekali ke majlis-majlis ilmu yang telah diadakan.

Melihat kepada pengetahuan wali perempuan kepada hukum-hukum yang berkaitan dengan aqad perkahwinan, dapatan menunjukkan bahawa kehadiran mereka ke majlis ilmu sangat mempengaruhi kepada tahap pengetahuan mereka. Ini kerana dapatan menunjukkan bahawa 75% dari mereka telah mengetahui sepenuhnya ilmu yang berkaitan berbanding dengan hanya 33.33% sahaja yang mengetahui separuhnya dari taraf kadang-kadang. Manakala pengantin lelaki pula, dapatan menunjukkan bahawa mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian mengusai sepenuhnya hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad perkahwinan. Seterusnya diiringi oleh 66.67% dari yang tidak hadir sama sekali. Manakala tahap pengetahuan pengantin lelaki yang kadang-kadang menghadiri majlis pengajian pula ialah 54.55% berbanding dengan 50% bagi yang terlalu jarang. Berdasarkan kepada dapatan di atas, dapat disimpulkan bahawa kehadiran pengantin lelaki ke majlis ilmu turut memberi kesan kepada tahap pengetahuan mereka dengan hukum-hukum yang berkaitan dengan aqad perkahwinan.

Kehadiran *muwakkil* ke majlis pengajian tidak mempengaruhi kepada pengetahuan mereka terhadap hukum-hukum yang bersangkutan dengan aqad seperti yang dapat dilihat pada jadual 1. Ini kerana dapatan telah menunjukkan bahawa *muwakkil* yang terlalu jarang menghadiri majlis pengajian adalah lebih tinggi pengetahuannya jika dibandingkan dengan yang lain. Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan mereka yang selalu menghadiri majlis pengajian adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan mereka yang hanya kadang-kadang sahaja menghadiri pengajian ilmu.

Pengetahuan *muwakkil* dengan makna *wakālah* pula, jadual satu telah menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis ilmu juga tidak memberikan apa-apa kesan. Dengan erti kata yang lain, kehadiran ke majlis ilmu tidak mempengaruhi kepada tahap pengetahuan mereka dengan makna *wakālah*. Namun begitu, kehadiran *muwakkil* ke majlis ilmu telah mempengaruhi kepada tahap pengetahuan mereka kepada hak-hak yang bersangkutan dengan *wakālah*. Dapatan dari jadual satu menunjukkan bahawa pengetahuan *muwakkil* yang selalu menghadiri majlis pengajian melebihi 70% berbanding hanya 42.86% bagi yang kadang-kadang dan 50% bagi taraf terlalu jarang.

Melihat kepada perasaan wakil sewaktu menerima *wakālah* dari *muwakkil*, dapatan menunjukkan bahawa wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian lebih memahami permasalahan. Ini dibuktikan apabila hasil data menunjukkan bahawa separuh daripada mereka merasakan terpaksa menerima *wakālah* dan separuh lagi mengatakan bahawa dirinya kurang seronok menerima *wakālah*. Manakala wakil dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian pula, walaupun kebanyakannya mereka mengatakan terpaksa terima, tetapi terdapat segelintir dari mereka mengatakan gembira dan biasa sahaja sewaktu menerima *wakālah*. Dapatan ini membuktikan bahawa ada diantara mereka yang tidak begitu prihatin dan tidak mengambil berat dengan permasalahan dan seterusnya ianya boleh mengakibatkan wakil akan kurang memberikan galakkan kepada *muwakkil* untuk melakukan aqad dengan sendiri. Walau bagaimanapun, keadaan ini berlaku mungkin kerana *wakālah* adalah merupakan satu amalan yang biasa dilakukan oleh anggota masyarakat. Menurut kenyataan Pegawai Agama Daerah Yan jumlah wali perempuan yang berwakil mencecah kepada 95% berbanding dengan yang

melakukan aqad dengan sendiri. Begitu juga sewaktu wakil merasa gembira menerima *wakālah*, bukan bermakna mereka menafikan kelayakkan dan utamanya wali melakukan aqad dengan sendiri, tetapi ianya adalah lebih kepada keinginan untuk menolong dan memudahkan urusan. Bahkan jadual 3 telah membuktikan bahawa kesemua wakil dari kedua-dua taraf kehadiran berpandangan bahawa wali lebih berhak untuk melakukan aqad berbanding dengan mereka.

Melihat kepada tahap pengetahuan wali pengantin perempuan yang telah melakukan aqad dengan sendiri kepada hak-hak yang berkaitan dengan aqad perkahwinan, dapatan kajian telah membuktikan bahawa pengetahuan mereka yang selalu menghadiri pengajian adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahap kadang-kadang. Ini kerana jumlah peratus yang mengetahui sepenuhnya kepada hak-hak yang berkaitan ialah 75% berbanding dengan 33.33% dari taraf kehadiran kadang-kadang. Bahkan jadual 15 juga telah menunjukkan bahawa terdapat daripada wali dari taraf kadang-kadang yang hanya mengetahui sedikit sahaja daripada hak-hak yang bersangkutan dengan aqad. Dapatan ini membuktikan bahawa kehadiran resoponden ke majlis-majlis pengajian ilmu adalah merupakan faktor yang mempengaruhi kepada tahap persoalan yang diajukan. Walaupun begitu, hal ini berbeza dengan pengantin lelaki dimana jadual 15 telah menunjukkan secara jelas bahawa peratus mereka yang tidak menghadiri majlis pengajian yang mengetahui sepenuhnya kepada hak-hak perkahwinan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan taraf kadang-kadang dan terlalu jarang menghadiri majlis pengajian.

Menyentuh kepada pengusaan dan pengetahuan wakil terhadap hukum-hukum *wakālah*, kajian telah membuktikan bahawa pengetahuan wakil yang selalu menghadiri pengajian adalah tinggi iaitu 64.71% bagi yang mengetahui sepenuhnya berbanding dengan hanya 50% bagi taraf kadang-kadang. Walaupun begitu, selalunya menghadiri pengajian tidak semestinya akan menyebabkan wakil lebih faham dan ‘*arif* dengan *wakālah*. Ini kerana berdasarkan kepada jadual 2 , terdapat 5.88% dari kalangan wakil yang selalu menghadiri pengajian mengatakan bahawa dia hanya mengetahui sedikit sahaja daripada hukum-hukum *wakālah*. Walau bagaimanapun, penulis mengandaikan bahawa keadaan ini berlaku mungkin kerana pelajaran yang disampaikan lebih menjurus kepada Ilmu Tauhid dan Ibadat seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji sahaja.

Pengetahuan *muwakkil* kepada pihak yang lebih berhak untuk melangsungkan aqad perkahwinan dari kalangan mereka yang kadang-kadang, terlalu jarang dan tidak hadir sama sekali ke majlis pengajian agak mengecewakan. Ini kerana berdasarkan daripada jadual 2, dapatan menunjukkan bahawa terdapat 14.29% daripada kalangan yang kadang-kadang menghadiri pengajian telah berpandangan bahawa Tuan Imam dan Tuan Guru lebih berhak untuk melakukan aqad. Manakala *muwakkil* yang terlalu jarang pula, jadual menunjukkan bahawa 50% daripada mereka mengatakan Tuan Imam lebih berhak melakukan aqad. Jawapan dari *muwakkil* yang tidak hadir sama sekali pula sungguh mengecewakan apabila kesemua mereka mengatakan bahawa Tuan Imam adalah lebih berhak untuk melakukan aqad berbanding dengan mereka sendiri. Berdasarkan kepada analisis data yang dilakukan, dapatlah disimpulkan bahwa kehadiran

muwakkil ke majlis pengajian telah mempengaruhi pandangan mereka dalam menentukan siapakah yang lebih berhak untuk melakukan aqad.

Apabila dilihat kepada sebab-sebab berlakunya *wakālah*, dapatan menunjukkan faktor gementar adalah merupakan faktor utama bagi *muwakkil* yang selalu dan kadang-kadang menghadiri pengajian. Manakala bagi *muwakkil* yang terlalu jarang pula ialah kerana ingin mencari jalan mudah. Faktor lebih yakin dengan aqad yang dilakukan oleh wakil dikenal pasti sebagai sebab berlakunya *wakālah* bagi mereka yang tidak hadir pengajian sama sekali. Dapatan ini menunjukkan bahawa *muwakkil* dari kalangan yang terlalu jarang menghadiri pengajian tidak mengambil berat dengan permasalahan dan *muwakkil* yang tidak hadir pengajian sama sekali tidak mempunyai keyakinan kepada diri sendiri. Hal ini mungkin berlaku kerana ketiadaan ilmu yang mencukupi.

Berdasarkan kepada jadual 3, dapatan menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis ilmu tidak mempengaruhi *muwakkil* dalam menentukan wakil secara khusus dan dapatan menunjukkan bahawa mereka hanya melantik seorang sahaja sebagai wakil bagi pihak mereka walaupun dari segi hukum *wakālah* boleh berlaku secara umum dengan tidak ditentukan wakil dan jumlah wakil. Namun begitu pada pandangan penulis, *muwakkil* yang selalu menghadiri pengajian mempunyai pandangan yang lebih terbuka. Ini kerana selain dari Tuan Imam, terdapat di antara mereka yang telah melantik Tuan Kadi dan Tuan Guru sebagai wakil berbanding dengan *muwakkil* yang kadang-kadang, terlalu jarang dan tidak hadir sama sekali ke majlis pengajian di mana mereka hanya melantik Tuan Imam sahaja sebagai wakil mereka. Dapatan ini membuktikan bahawa maklumat

muwakkil yang selalu menghadiri pengajian adalah lebih luas, bahkan seperti yang ditunjukkan pada jadual 2, ada di antara mereka yang berwakil ialah kerana untuk mendapatkan keberkatan. Ini bermakna pada hakikatnya mereka berkemampuan untuk melakukan aqad dengan sendiri.

Apabila dilihat pada penguasaan wakil pula, jadual 2 membuktikan bahawa kehadiran ke majlis ilmu tidak mempengaruhi tahap pengetahuan mereka. Ini kerana kesemua mereka hanya mengetahui mazhab Imam *al-Syāfi'i* *ī* sahaja. Menurut pemerhatian dari penulis hal ini berlaku kerana hanya mazhab Imam *al-Syāfi'i* *ī* sahaja yang diajarkan di kelas pengajian yang diadakan secara tidak formal.

Walaupun kesemua wakil hanya mengetahui mazhab Imam *al-Syāfi'i* *ī* sahaja, dapatan daripada kajian menunjukkan bukan kesemua dari mereka dapat menguasai secara mendalam mazhab Imam *al-Syāfi'i* *ī*. Ini kerana berdasarkan kepada jadual 2, wakil yang tidak mengetahui pendangan kedua, ketiga dan seterusnya dalam mazhab dari kalangan mereka yang selalu menghadiri pengajian ialah 64.71%. Dengan ibarat yang lain, jumlah mereka yang mengetahui *khilaf* yang terdapat dalam mazhab Imam *al-Syāfi'i* *ī* adalah lebih sedikit jika dibandingkan dengan yang mengetahui. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka mengetahui *khilaf* dan pandangan yang terdapat dalam mazhab Imam *al-Syāfi'i* *ī*. Bagi penulis dapatan ini membuktikan bahawa untuk mengetahui secara mendalam terhadap permasalahan khususnya kepada perkara *khilafiah*, menghadiri pengajian secara tidak formal adalah tidak mencukupi, sebaliknya ianya akan diperolehi samaada dengan

banyak membaca atau dengan sebab menuntut di Pusat Pengajian Tinggi. Tambahan pula pengajian tidak formal diadakan khusus kepada orang awam yang tidak memerlukan kepada pendedahan yang lebih mendalam. Oleh itu kehadiran ke majlis pengajian tidak formal tidak membantu dan tidak mempengaruhi kepada tahap pengusaan wakil dengan persoalan yang diajukan.

Walaupun tahap pengetahuan wakil yang selalu menghadiri pengajian tidak formal tidak memuaskan, dapatan membuktikan jumlah mereka yang berpandangan bahawa boleh beramal dan mengikut dengan pandangan-pandangan yang terdapat dalam mazhab Imam *al-Syāfi'i* adalah agak tinggi iaitu 47.06% berbanding dengan yang mengatakan tidak iaitu 35.29%. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, kesemua mereka berpandangan bahawa dibolehkan untuk mengikut dan baramal dengan pandanga-pandangan yang terdapat dalam mazhab Imam *al-Syāfi'i*. Hasil daripada maklumat ini bolehlah disimpulkan bahawa kebanyakkannya wakil tidak biasa atau tidak terdedah kepada *khilaf para fuqaha'*, sebaliknya mereka hanya didekah dengan pandangan yang *rajih* sahaja.

Menyentuh kepada hukum mentaklid mazhab, dapatan menunjukkan bahawa wakil yang selalu menghadiri pengajian yang mengatakan tidak boleh ialah 58.82% berbanding dengan 17.65% yang membolehkan dan 25.53% yang tidak memberikan apa-apa jawapan. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, kesemua mereka mengatakan boleh mentaklid mazhab-mazhab yang lain. Bagi penulis kehadiran ke majlis ilmu secara tidak formal tidak membantu wakil untuk mendalami mazhab-mazhab yang lain. Ini kerana pendedahan yang dilakukan di pengajian-pengajian tidak

formal hanyalah dalam mazhab Imam *al-Syāfi'i* sahaja. Bahkan sewaktu soalan dikemukakan kepada wakil, penulis dapati sebahagian daripada mereka seolah-olah macam terkujtut. Ini membuktikan bahawa mereka tidak pernah terdedah dengan mazhab-mazhab yang lain selain daripada mazhab Imam *al-Syāfi'i*.

Jadual 4 menunjukkan bahawa kesemua *muwakkil* berpuasa hati dengan *aqad* yang telah dilakukan oleh wakil. Begitu juga jadual menunjukkan bahawa kesemua mereka telah menentukan secara khusus kepada wakil pasangan yang akan dikahwini. Walaupun semua *muwakkil* dari setiap tahap kehadiran telah menentukan pasangan yang akan dikahwini, tetapi sebahagian dari mereka tidak menentukan jumlah mahar kepada wakil. Hasil kajian menunjukkan bahawa 14.29% dari taraf kehadiran kadang-kadang dan 25% dari taraf kehadiran terlalu jarang tidak menentukan mahar secara pasti, sebaliknya diserahkan sepenuhnya kepada wakil untuk menentukannya. Bagi penulis hal ini mungkin berlaku kerana disebabkan oleh *muwakkil* terlalu yakin dan percaya dengan wakil dan mungkin kerana ingin mengambil berkat seperti yang ditunjukkan oleh jadual 3.

Melihat kepada faktor responden melakukan *aqad* dengan sendiri dan tidak mewakilkan kepada pihak-pihak tertentu seperti Tuan Imam dan Tuan Kadi, dapatkan menunjukkan bahawa kehadiran mereka ke majlis ilmu tidak membezakan terhadap jawapan yang diberikan. Ini kerana jawapan yang diberikan oleh setiap peringkat kehadiran adalah sama iaitu kerana mereka lebih layak dan *afdal*. Walaupun begitu, jadual 18 menunjukkan terdapat 33.33% dari kalangan yang kadang-kadang menghadiri

pengajian telah menjadikan faktor perbezaan fahaman politik sebagai faktor kedua di samping faktor mereka lebih layak mereka melakukan aqad dengan sendiri. Bagi penulis pandangan daripada wali yang mengatakan bahawa berjuang atas dasar kebangsaan yang dijadikan dasar perti tertentu boleh menyebabkan mereka menjadi fasik atau kufur adalah sebab mereka tidak mewakilkan kepada pihak terbabit. Menurut Pegawai Tadbir Agama Daerah Yan, Syeikh Mohamad bin Awang, sehingga hari ini pejabat beliau belum menerima aduan yang menjadikan faktor perbezaan fahaman politik sebagai sebab wali enggan berwakil kepada pihak tertentu². Sewaktu kajian dilakukan, wali yang menjadikan faktor perbezaan fahaman politik sebagai sebab ia tidak mewakilkan telah menyatakan secara lisan bahawa faktor ini tidak didedahkan secara jelas kepada umum kerana untuk mengelak dari perkara-perkara yang tidak diingini berlaku bahkan menurut beliau jika faktor ini didedahkan ianya akan menyebabkan hubungan antara beliau dan penyokong pihak terbabit akan semakin renggang. Manakala pengantin lelaki pula, jadual 18 menunjukkan bahawa keseluruhan mereka yang selalu menghadiri pengajian mengatakan mereka lebih layak untuk melakukan aqad berbanding dengan yang kadang-kadang menghadiri pengajian di mana terdapat 9.09% dari mereka yang mengatakan bahawa faktor melakukan aqad dengan sendiri ialah kerana tidak yakin dengan kebolehan pihak terbabit. Walaupun jumlah ini adalah kecil, namun ianya sedikit sebanyak menggambarkan bahawa terdapat sebilangan dari anggota masyarakat yang kurang menghormati kepada pihak terbabit. Bagi penulis keadaan ini mungkin berlaku disebabkan oleh taraf pendidikan pengantin lelaki yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pihak terbabit.

² Temubual dilakukan pada 27/2/2002, jam 10.30 pagi.

Sewaktu berlakunya upacara *wakālah*, terdapat 64.71% dari wakil yang selalu menghadiri pengajian tidak bertanya kepada *muwakkil* sebab-sebab berwakil. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian, dapatan menunjukkan bahawa kesemua mereka telah bertanyakan sebab-sebab *muwakkil* berwakil. Ini menunjukkan bahawa wakil dari kalangan yang kadang-kadang menghadiri pengajian lebih memahami dan mengambil berat kepada permasalahan berbanding dengan wakil yang selalu menghadiri pengajian. Dapatan ini sekaligus membuktikan bahawa kehadiran ke majlis pengajian secara umum tidak mempengaruhi wakil untuk menanyakan kepada *muwakkil* sebab berwakil dan ini membuktikan bahawa terdapat faktor-faktor lain yang telah mempengaruhi wakil seperti faktor taraf pendidikan dan sebagainya.

Melihat kepada sikap wakil sewaktu menerima *wakālah*, jadual 4 menunjukkan bahawa hampir keseluruhan wakil yang selalu menghadiri pengajian telah menggalakkan supaya wali melakukan aqad dengan sendiri. Manakala wakil yang kadang-kadang menghadiri pengajian pula, dapatan menunjukkan bahawa separuh sahaja dari mereka yang telah memberikan galakkan supaya *muwakkil* melakukan aqad dengan sendiri. Dapatan ini menunjukkan bahawa kehadiran ke majlis ilmu memberi kesan kepada permasalahan di mana wakil yang selalu menghadiri pengajian lebih prihatin dengan permasalahan dan sentiasa berusaha untuk melakukan yang terbaik. Selain dari itu, jadual juga menunjukkan bahawa 64.71% dari wakil yang selalu menghadiri pengajian telah memberikan tunjuk ajar kepada *muwakkil* cara untuk melakukan aqad dengan sendiri berbanding dengan 50% sahaja dari tahap kehadiran kadang-kadang yang memberikan

tunjuk ajar. Data ini menunjukkan bahawa wakil yang selalu menghadiri pengajian lebih memahami dan mengambil berat dengan keadaan *muwakkil*.

Faktor berlakunya *wakālah* menurut pandangan wakil yang selalu menghadiri pengajian ialah kerana wali tiada pengetahuan agama. Kemudian diikuti oleh faktor gementar. Manakala bagi tahap kadang-kadang menghadiri pengajian, faktor utama berlakunya *wakālah* ialah kerana ingin mengambil jalan mudah dan kurang pengetahuan agama. Dapatan ini menunjukkan bahawa setiap wakil mempunyai pandangan yang berbeza dalam menentukan faktor-faktor berlakunya *wakālah*.

Sewaktu berlangsungnya upacara *wakālah*, dapatan menunjukkan bahawa *muwakkil* dari setiap tahap kehadiran ke majlis pengajian tidak formal tidak meminta dari wakil untuk melakukan aqad dengan sendiri. Begitu juga dapatan pada jadual 5 menunjukkan bahawa mereka juga tidak meminta kepada wakil supaya diajarkan cara-cara atau kaifiat untuk melakukan aqad dengan sendiri. Dapatan ini membuktikan bahawa tahap kehadiran ke majlis pengajian tidak formal tidak membezakan mereka, sebaliknya kesemua mereka mengharap dan menyerahkan sepenuhnya kepada wakil untuk melakukan aqad.

KESIMPULAN

Antara kesimpulan yang dapat diambil daripada penyelidikan dan pengkajian ini, didapati bahawa *wakālah* dalam aqad perkahwinan adalah merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk memudahkan urusan perkahwinan dan ianya menjadi satu amalan kebiasaan kepada kebanyakkan anggota masyarakat khususnya kapada mereka-mereka yang rendah taraf pendidikannya dan bukan dari aliran agama. Begitu juga kajian mendapati bahawa secara umumnya taraf pengetahuan anggota masyarakat kepada hukum hakam yang menyentuh secara langsung kepada tajuk kajian adalah rendah dan khusus dalam mazhab Imam *al-Syāfi’ī* sahaja terutamanya daripada kalangan *muwakkil*. Ini disebabkan oleh sikap mereka yang kurang bersemangat untuk mendalami ilmu pengetahuan khususnya *muwakkil* dan pengantin lelaki. Keadaan bertambah parah lagi apabila mereka tidak didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam dan pengajian tidak formal yang diadakan di masjid-masjid dan surau-surau lebih menjurus kepada ilmu akidah dan ibadat sahaja. Dengan lain perkataan, bidang ilmu yang lain seperti *muā’malāt*, *munākahāt* dan *jināyāt* tidak dititik beratkan.

Selain dari itu, kajian juga mendapati bahawa terdapat sebilangan anggota masyarakat yang salah faham tentang konsep *wakālah* sehingga ada di kalangan mereka yang menganggapnya sebagai adat penduduk kampung yang mesti dilaksanakan. Namun begitu, faktor gementar dan sikap ambil mudah dengan permasalahan adalah merupakan faktor utama kepada berlakunya *wakālah*. Kajian juga mendapati bahawa terdapat *muwakkil* yang tidak berani untuk berterus terang dengan kehendaknya sendiri

sehingga berlakunya *wakālah* dalam keadaan *muwakkil* sendiri tidak berpuas hati sepenuhnya dengan aqad yang telah dilakukan oleh wakil.

Seterusnya, hasil daripada kajian mendapati bahawa terdapat sebilangan daripada wakil yang terlalu mudah menerima *wakālah* tanpa banyak bicara. Dengan erti kata yang lain, mereka tidak melakukan sesuatu yang menyebabkan pihak wali melakukan aqad dengan sendiri. Begitu juga didapati bahawa terdapat sebilangan daripada *muwakkil* yang tidak memahami kedudukan dan peranan yang mesti dimainkannya sebagai wali kepada pengantin perempuan, sedangkan tempoh masa untuk mereka mempelajari hukum-hakam yang bersangkutan dengan perkahwinan adalah terlalu panjang dan lebih dari yang diperlukan.

Jika diteliti faktor tidak berlakunya *wakālah*, hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan fahaman politik juga dikenalpasti sebagai salah satu daripada faktor tidak berlakunya *wakālah* dalam aqad perkahwinan kepada Imam atau juru nikah yang dilantik oleh kerajaan. Selain itu, kajian membuktikan bahawa terdapatnya perasaan buruk sangka di antara sebahagian daripada anggota masyarakat.

SARANAN DAN CADANGAN

Setelah melihat kepada beberapa persoalan pokok yang dicapai berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, penulis akan mengemukakan beberapa cadangan dan saranan agar satu pemahaman dan penghayatan yang jelas lagi berkualiti kepada tajuk kajian dapat dicapai. Seterusnya ia diharap dapat mewujudkan satu masyarakat yang benar-benar memahami dan mendalami permasalahan dengan ertikata yang sebenarnya.

1. Pihak-pihak yang terbabit seperti Pejabat Agama Daerah mestilah membuat beberapa langkah perlu untuk meningkatkan kefahaman masyarakat khususnya kepada Tuan-Tuan Imam yang pada kebiasaannya menjadi wakil kepada penduduk setempat. Antara langkah perlu seperti :
 - i) Mengadakan kursus kafahaman dan penghayatan perkahwinan dalam beberapa peringkat seperti kursus bulanan dan tahunan. Kursus diadakan samaada secara umum ataupun khusus kepada pihak-pihak tertentu. Dengan ertikata, kursus tidak hanya diadakan kepada bakal pengantin sahaja, sebaliknya kepada semua pihak seperti wali dan wakil.
 - ii) Memperbanyakkan kelas dan bidang pengajian ilmu secara tidak formal, iaitu dengan menyediakan tenaga pengajar yang banyak dan berkebolehan dalam setiap bidang untuk dihantarkan ke setiap *qaryah* bagi menyampaikan dan mendedahkan masyarakat dengan maklumat

yang lebih mendalam dan terperinci bersangkutan dengan permasalahan hukum. Dengan erti, tenaga pengajar mestilah berkualiti dan pengajaran ditumpukan kepada berbagai bidang dan aspek.

- iii) Menyediakan rujukan yang lengkap kepada permasalahan samaada berupa bahan bacaan atau lainnya. Bahan rujukan ini mestilah dimiliki khususnya Tuan Imam.
 - iv) Melipatgandakan kempen kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menguasai ilmu pengetahuan.
 - v) Menyediakan dan seterusnya mengedarkan risalah ringkas berhubung dengan permasalahan kepada kesemua anggota masyarakat supaya kefahaman mereka dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.
 - vi) Melantik pihak-pihak yang benar-benar berkelayakkan akademik untuk menjadi Imam di setiap *qaryah*.
2. Anggota masyarakat mestilah berani berterus terang dengan apa yang terpendam di dalam hati.
3. Setiap individu mesti berusaha merubah diri sendiri kepada yang lebih baik iaitu dengan berusaha menguasai maklumat dengan sebanyak mungkin. Dengan ini tanggapan silap seperti Imam dan Kadi lebih berhak untuk melakukan aqad boleh dihapuskan.
4. Anggota masyarakat disarankan supaya berusaha meningkatkan keyakinan kepada diri sendiri dan berani mencuba sesuatu yang sepatutnya dilakukan dengan sendiri, seterusnya berusaha mengikis sikap suka bergantung kepada pihak lain.

5. Pihak Imam khususnya, disarankan agar tidak mudah menerima *wakālah*, sebaliknya berusahalah lakukan sesuatu supaya wali perempuan dapat melakukan aqad dengan sendiri.
6. Pihak Kadi dan Imam khususnya mestilah lakukan sesuatu yang boleh meningkatkan imej dan kedudukan mereka pada pandangan anggota masyarakat dan hendaklah menghindarkan diri dari melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan *thiqqah* atau kepercayaan masyarakat kepada mereka.
7. Anggota masyarakat mestilah mengikis perasaan buruk sangka antara satu sama lain, seterusnya berusaha mencari jalan terbaik bagi menyelesaikan setiap permasalahan yang timbul.
8. Pihak kerajaan disarankan agar memperbanyakkan Pusat Pengajian Agama bagi membantu orang ramai memahami agama dengan lebih mendalam.
9. Pihak Kementerian Pendidikan disarankan supaya menyediakan sukanan pelajaran yang lebih mendalam dan menyeluruh dalam bidang agama dan seterusnya memperuntukkan waktu yang semaksima mungkin bagi matapelajaran agama di Sekolah-sekolah yang bukan dari aliran Agama.
10. Media masa samaada media cetak atau elektronik diharap dapat menyumbang maklumat yang bermanfaat dan memainkan peranan yang sewajarnya ke arah meningkatkan kefahaman masyarakat kepada hukum hakam. Dengan ertikata, mereka tidak menjadikan keuntungan sebagai matlamat utama tetapi lebih kepada memperbetulkan pandangan masyarakat dan menyebarkan ilmu yang bermanfaat.

PENUTUP

Kajian ini sedikit sebanyak telah berjaya membongkar dan memberi gambaran ringkas khusus kepada penghayatan dan pengamalan masyarakat kepada konsep *wakālah* yang berlaku dalam aqad perkahwinan. Secara langsung kajian ini telah menyingkap permasalahan-permasalahan yang berlaku samaada membabitkan anggota masyarakat yang melakukan aqad dengan sendiri, *muwakkil* dan wakil. Sekaligus kajian ini memberi asas untuk mencari jalan penyelesaian kepada setiap permasalahan yang timbul bagi tujuan untuk melahirkan anggota masyarakat yang benar-benar berkualiti dan menghayati permasalahan dengan ertikata yang sebenarnya.

Faktor persekitaran dan suasana sekeliling adalah merupakan faktor penting yang mempengaruhi penghayatan dan pengamalan masyarakat dengan tajuk kajian. Walau bagaimanapun faktor individu adalah merupakan faktor yang lebih penting yang mempengaruhi pengamalan dan pengahayatan masyarakat. Seterusnya faktor-faktor ini adalah merupakan penyumbang utama kepada permasalahan yang telah dibongkarkan oleh kajian. Oleh itu, kesedaran dari setiap pihak adalah merupakan satu aset yang cukup penting bagi berjayanya cita-cita untuk membentuk satu masyarakat yang dapat menghayati dan memahami dengan sepenuhnya kepada tajuk kajian dan seterusnya bagi menjamin kesejahteraan dan kerukunan rumah tangga atau institusi keluarga yang dibina. Hal ini akan diperolehi dan dicapai dengan setiap pihak cuba mengkaji kelemahan dan kekurangan masing-masing dan seterusnya berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperbaikinya dengan menggunakan kaedah dan cara yang tepat dan betul.

Akhir bicara, secara khususnya penulis mengharapkan agar kajian ini dapat dijadikan asas dan model kepada pihak-pihak berkenaan yang bertanggungjawab untuk membangun dan memajukan institusi keluarga kepada taraf yang lebih cemerlang dan kepada seluruh umat Islam amnya agar penghayatan dan pengamalan masyarakat kapada kepada konsep *wakālah* secara khusus dan perkahwinan secara umum berlaku dengan penuh kesedaran dan dibina atas dasar keilmuan yang mantap lagi kukuh.

S E K I A N

* * *